

**BERITA ONLINE  
SINAR HARIAN  
TARIKH : 09 DISEMBER 2021 (ISNIN)**



## Tingkat pelaburan asing dalam tempoh 100 hari pentadbiran: PM

| | 09 Disember 2021



Ismail Sabri berucap pada Program 100 Hari Aspirasi #KeluargaMalaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah meluluskan sebanyak RM109.1 bilion dalam tempoh 100 pentadbiran bagi meningkatkan pelaburan asing dalam sektor pembuatan dengan unjuran 25,000 peluang pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, MITI telah berjaya meningkatkan pelaburan asing dalam sektor tersebut dengan memacu pertumbuhan ekonomi melalui program galakan pelaburan yang strategik.

## ADVERTISING

Selain itu, katanya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi juga telah meningkatkan eksport sektor agrokomoditi dengan nilai eksport RM147.2 bilion yang meningkatkan sumbangan kepada pendapatan rakyat dan negara.

"Atas kesedaran bahawa syarikat dan pengusaha adalah enjin pemulihran ekonomi, Kementerian Kewangan juga melalui inisiatif bayaran untuk Program Subsidi Upah telah menyalurkan sebanyak RM3.3 bilion bagi membantu aliran tunai peniaga kecil dan perusahaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS)," katanya semasa majlis perasmian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di sini pada Khamis.

Ismail Sabri berkata, inisiatif ini telah memberikan manfaat kepada 189,000 majikan dan 1.9 juta pekerja.

Menurutnya, inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan kerajaan ini merupakan kejayaan Aspirasi Keluarga Malaysia melalui Teras Satu iaitu Menstrukturkan Semula Ekonomi.

Beliau berkata, kerajaan telah menggariskan enam teras utama dalam pencapaian 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia iaitu menstrukturkan ekonomi, menjamin keselamatan dan ketenteraman negara, meningkatkan kesejahteraan sosial, mempertingkat infrastruktur menyeluruh, memperkuuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia dan memperkasakan penyampaian perkhidmatan.

Selain itu, katanya, kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) melalui kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah membolehkan pembukaan penuh sektor ekonomi.

Disyorkan artikel ini:

'Tindakan tegas atau pejam mata selepas 100 hari?'

Keluarga Malaysia dan cabaran 100 hari kerajaan

Kerajaan perlu beri tumpuan kepada pendekatan mikro

Anak penoreh getah jadi Perdana Menteri Malaysia

Kad laporan 100 hari Ismail Sabri

"Ini menjadi ramuan asas kepada proses kebangkitan ekonomi makro dan rakyat, sekali gus menyemai benih pemulihan yang kukuh apabila negara memasuki suku keempat 2021," katanya.

Menurut Ismail Sabri, Malaysia mencatatkan peningkatan keluaran dalam negara kasar sebanyak 3.0 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 2021, berbanding penguncutan 6.4 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

"Angka mutakhir kadar pengangguran sudah berkurangan kepada 4.3 peratus pada Oktober 2021, berbanding kemuncak 5.3 peratus pada Mei 2020.

"Angka terbaru ini juga lebih rendah dari dua bulan sebelumnya, menunjukkan bahawa 100 hari pertama membawa keberhasilan hakiki dalam aspek peluang pekerjaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, trend penurunan kadar pengangguran yang menggalakkan ini juga turut disertai lonjakan 24.7 peratus eksport dan peningkatan 11.6 peratus dalam nilai jualan sektor pembuatan pada bulan yang sama.

Katanya, Malaysia mencatatkan perkembangan pelaburan langsung asing bersih (FDI) yang positif sebanyak RM12.8 bilion pada suku ketiga 2021 berbanding RM8.2 bilion pada suku kedua, iaitu peningkatan 56 peratus.

"Ini menjadikan jumlah FDI bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini kepada lebih RM30 bilion iaitu peningkatan sebanyak 300 peratus berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2020. Angka ini masih dapat dicapai di sebalik penutupan sempadan akibat pandemik," katanya.

Selain itu, katanya, pelbagai program dirangka untuk memastikan Keluarga Malaysia dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan selesa dan bukan hanya golongan pekerja yang diperjuangkan, tetapi juga golongan usahawan.

"Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah berjaya melahirkan 3,667 usahawan baharu yang terdiri daripada belia, graduan dan warga yang hilang pekerjaan akibat pandemik," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga telah menyalurkan geran sebanyak RM40.48 juta kepada PKS, industri kreatif digital dan syarikat industri digital.

"Ini bertujuan memacu penerimanaan digital, pengkomersialan teknologi dan harta intelek, sekali gus memperkasa daya saing," katanya.

Di samping itu, katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui kerjasama dengan Agro Bank telah menyalurkan pembiayaan bernilai lebih RM80 juta kepada 4,217 penerima, serta menyasarkan peruntukan keseluruhan bernilai RM110 juta hingga tahun 2022. - Bernama

Artikel Penuh :

<https://www.sinarharian.com.my/article/177009/BERITA/Nasional/Tingkat-pelaburan-asing-dalam-tempoh-100-hari-pentadbiran-PM>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf